

24 DEC 2001

Mahathir-MCA

MASALAH DALAMAN MCA TIDAK SAMPAI WUJUDKAN KUMPULAN SERPIHAN

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata masalah dalaman MCA sekarang tidaklah sebegitu serius sehingga boleh mewujudkan kumpulan serpihan yang kemudiannya akan menubuhkan parti lain.

"Saya rasa ia tidak seserius (seperti yang kelihatan). Ia tidak akan sampai kepada pembentukan kumpulan serpihan yang akan menubuhkan parti lain. Mereka semua setia kepada Barisan Nasional (BN)," katanya.

Dr Mahathir ditanya pemberita mengenai pergolakan yang sedang berlaku dalam MCA sekarang, ketika ditemui selepas beliau merasmikan Galeri Permodalan Nasional Bhd (PNB) di sini.

Beliau ditanya tentang kekhuatiran yang MCA akan menerima nasib seperti UMNO pada tahun 1987 apabila pergolakan dalam parti itu telah mewujudkan kumpulan serpihan sehingga menubuhkan parti baru.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN itu berkata beliau telah menemui beberapa pemimpin MCA dan telah diberitahu bahawa parti itu mempunyai sedikit masalah dalam parti.

Ketika ditanya sama ada pergolakan dalaman MCA itu akan menjejaskan persediaan BN dalam menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Perlis kawasan Indera Kayangan, beliau berkata; "Ini masalah tempatan. Kita boleh atasi masalah ini."

Menjawab soalan pemberita sama ada Parti Keadilan Nasional yang dijangka meletak calonnya bertanding bagi kawasan itu, akan mengambil kesempatan menggunakan isu pergolakan MCA semasa kempenya, Dr Mahathir berkata; "Itu memang (sikap) mereka. Mereka tak ada isu."

"Apa yang boleh mereka tawarkan selain daripada memperkatakan keburukan orang lain. Kita (kalau) nak bertanding, kita kena bagi cara-cara untuk memperbaiki keadaan," katanya.

Dua hari lepas, Naib Presiden Keadilan Azmin Ali berkata parti itu akan menjadikan pergolakan MCA sebagai isu utama dalam kempenya semasa pilihan raya kecil itu.

Pilihan raya kecil itu bakal diadakan berikutan kematian wakil rakyat kawasan itu daripada MCA Datuk Khor Liang Tee, 59, minggu lepas kerana barah usus.

Pada pilihan raya umum lepas, Khor yang mendapat 3,825 undi menewaskan calon Keadilan, Ko Chu Liang dengan majoriti 1,974 undi.

-- BERNAMA

NZ LES MFJ NMO